

MEDIA STATEMENT

Pre-budget statement is a welcome preview to Budget 2023, more comprehensive public participation needed

Kuala Lumpur, 10 June 2022 - Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) welcomes the publication of the 2023 Pre Budget Statement (PBS) on 3 June 2022. IDEAS has been a key proponent of the publication of a pre-budget statement, as the research institute that has been assessing Malaysia's budget transparency in the Open Budget Survey since 2015.

The PBS is an important tool for fiscal transparency and governance. It sets the foundation for the government's budget strategy and policies for the upcoming fiscal year. The PBS allows relevant stakeholders to anticipate the upcoming budget and to foster debate in an informed manner on government's spending and on the implication of budget policies.

The incorporation of the PBS in the budget process is a good step in promoting transparency and inclusiveness. The PBS allows stakeholders, particularly the private sector and civil society, to anticipate budget policies. "IDEAS recommends engagement with targeted stakeholder groups and particularly with vulnerable or minority groups to provide feedback on key budget policies, more so in these times of uncertainty where quick, responsive policymaking may have unintended consequences on these groups," said Alissa Rode, Manager of the Public Finance Unit at IDEAS. "A consultative approach on the national budget is essential in ensuring that policies are relevant and inclusive. Therefore we anticipate the PBS being followed up by a comprehensive effort in getting public participation."

The PBS provides a comprehensive view of the government's initiatives and programs that are in progress while providing a broad view of the upcoming policy objectives that will be implemented in the areas of economic recovery, improved social protection, and reforms in business and priority sectors. IDEAS calls for a PBS that provides a more concrete indication of forecast expenditures, revenues, debt and borrowings, as required by the OECD best practices.

IDEAS notes the strong indication that the government will shift to targeted subsidies and targeted assistance for vulnerable groups. "Subsidy rationalisation is important for fiscal sustainability moving forward, given the limited fiscal space that we have," said Alissa. "The PBS indicates that petroleum and cooking oil subsidies alone are projected to balloon to RM30 billion from the budgeted RM4 billion. Therefore, we need to proceed in a manner where subsidy expenditure is more predictable and manageable. "Subsidy rationalisation combined with more effective distribution would ensure that the government channels public resources to groups that are most in need".

IDEAS also notes the Ministry of Finance’s commitment to mitigate tax base erosion and profit shifting of global taxpayers, in line with OECD standards. The shift in tax strategy should also be complemented by deeper thinking on the non-fiscal incentives that bring value to investors in Malaysia, including efforts in deepening our talent pool in global services management, E&E and digitalisation, and policies that encourage the environmental, social and governance (ESG) agenda. “As a developing country aiming to digitise and automate its sectors it is important that the local sectors are supported by FDIs with specific know-how and expertise. This is where non-fiscal incentives need to be investor friendly, especially in a post-pandemic setting,” said Dr Juita Mohamad, Research Director at IDEAS.

The publication of the PBS is a step in the right direction for a well-governed, transparent budget process. IDEAS further calls the government to publish a Mid-year Review to enable oversight of the nation’s fiscal position at the halfway point of the financial year.

--- END ---

For enquiries, please contact:

Alissa Rode
Manager, Public Finance
alissa@ideas.org.my

Louis Denis
Manager, External Relations
louis@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

KENYATAAN MEDIA

Kenyataan prabelanjawanan sangat dialu-alukan untuk Belanjawan 2023, perlu lebih keterlibatan awam yang menyeluruh

Kuala Lumpur, 10 Jun 2022 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan penerbitan Kenyataan Prabelanjawan (PBS) 2023 pada 3 Jun 2022. IDEAS merupakan pendukung utama penerbitan kenyataan prabelanjawan sebagai badan pemikir yang telah menjalankan penilaian terhadap ketelusan belanjawan Malaysia dalam Tinjauan Belanjawan Terbuka (*Open Budget Survey*, OBS) semenjak tahun 2015.

PBS merupakan satu alat penting kepada ketelusan fiskal dan tadbir urus. Dokumen ini menetapkan asas kepada strategi belanjawan dan dasar kerajaan untuk tahun fiskal yang akan datang. PBS membenarkan pemegang taruh berkaitan untuk menjangkakan belanjawan akan datang dan menggalakkan perbincangan mengenai perbelanjaan kerajaan dan kesan dasar-dasar belanjawan secara bermaklumat.

Penerapan PBS dalam proses perancangan belanjawan adalah satu langkah yang baik dalam mempromosikan ketelusan dan keterangkuman belanjawan. PBS membenarkan para pemegang taruh, terutamanya sektor swasta dan masyarakat sivil, menjangkakan dasar-dasar belanjawan. "IDEAS menyarankan penglibatan kumpulan pemegang taruh bersasar dan terutamanya kumpulan minoriti atau rentan untuk memberikan maklum balas mengenai dasar-dasar belanjawan utama, lebih lagi dalam masa yang tidak tentu ketika ini di mana penggubalan dasar yang cepat dan responsif mungkin akan menyebabkan kesan yang tidak diinginkan terhadap kumpulan-kumpulan ini," ulas Alissa Rode, Pengurus Unit Kewangan Awam di IDEAS. "Satu pendekatan perundingan berkenaan belanjawan negara adalah amat penting dalam memastikan pelbagai dasar adalah relevan dan terangkum. Oleh itu, kami menjangkakan dokumen PBS akan diikuti dengan satu usaha menyeluruh dalam mendapatkan penglibatan awam."

Dokumen PBS ini memberikan satu pandangan menyeluruh terhadap pelbagai inisiatif dan program kerajaan yang sedang berlangsung di samping memberikan satu pandangan luas mengenai objektif dasar akan datang yang akan dilaksanakan berkenaan pemulihan ekonomi, penambahbaikan perlindungan sosial, serta pembaharuan dalam sektor perniagaan dan keutamaan. IDEAS menyeru agar PBS dapat memberikan satu petunjuk yang lebih konkrit tentang ramalan perbelanjaan, pendapatan, hutang dan pinjaman, sebagaimana yang dikehendaki oleh amalan terbaik Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

IDEAS maklum akan petunjuk yang kuat bahawa kerajaan akan beralih kepada subsidi bersasar dan bantuan bersasar kepada kumpulan-kumpulan rentan. "Rasionalisasi subsidi adalah penting kepada kemampuan fiskal pada masa hadapan, memandangkan kita mempunyai ruang fiskal yang terhad," kata Alissa. "Dokumen PBS ini menunjukkan bahawa subsidi petroleum dan minyak masak sahaja diunjurkan meningkat kepada RM30 bilion daripada anggaran asal sebanyak RM4 bilion. Oleh itu, kita perlu melangkah ke hadapan dengan mempunyai perbelanjaan subsidi yang lebih boleh diramal dan terurus. Rasionalisasi subsidi jika digabungkan dengan pengagihan yang lebih berkesan akan memastikan kerajaan menyalurkan sumber-sumber awam kepada kumpulan-kumpulan yang paling memerlukan".

IDEAS juga mengambil maklum komitmen Kementerian Kewangan untuk mengurangkan hakisan asas cukai dan peralihan keuntungan oleh pembayar cukai global, seiring dengan piawaian OECD. Peralihan strategi cukai juga perlu dilengkapi dengan pertimbangan yang lebih mendalam mengenai insentif bukan fiskal yang memberi nilai kepada para pelabur di Malaysia, termasuk usaha memperluas kumpulan bakat kita dalam pengurusan perkhidmatan global, elektrik dan elektronik (E&E) dan pendigitalan, serta dasar-dasar yang menggalakkan agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). “Sebagai sebuah negara membangun yang menasarkankan untuk mendigitalkan dan mengautomatiskan sektornya, amat penting untuk sektor-sektor tempatan disokong oleh pelaburan langsung asing (FDI) yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran tertentu. Di sinilah insentif bukan fiskal perlu mesra pelabur, terutamanya dalam suasana pasca pandemik,” kata Dr Juita Mohamad, Pengarah Penyelidikan IDEAS.

Penerbitan PBS ini merupakan satu langkah yang betul ke arah satu proses belanjawan yang ditadbir dengan baik dan telus. IDEAS menyeru dengan lebih lanjut agar kerajaan menerbitkan satu Semakan Pertengahan Tahun untuk membolehkan penyeliaan terhadap kedudukan fiskal negara pada pertengahan tahun kewangan.

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Alissa Rode
Pengurus, Unit Kewangan Awam
alissa@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.